

# Profesor Ahmad Ibrahim meninggal

Antara penggubal Amla, Perlembagaan LBKM dan pakar rujuk perundangan Islam

Oleh  
KHARTINI KHALID

SEORANG pakar rujuk perundangan Islam terkenal dan pernah terlibat menggubal Akta Pentadbiran Hukum Islam (Amla), Profesor Tan Sri Ahmad Ibrahim, meninggal dunia di Kuala Lumpur awal pagi semalam akibat serangan sakit jantung.

Allahyarham, yang dilahirkan di Singapura pada 1916, meninggal dunia sekitar 2 pagi semalam.

Jasa Allahyarham kepada masyarakat Melayu/Islam di sini tidak ternilai seperti yang dirakam oleh Presiden Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Haji Maarof Salleh.

Dalam satu warkah takziah yang dihantar kepada isteri Allahyarham, Puan Sri Salmah Mohd Tahir, Haji Maarof menulis:

"Allahyarham memberi banyak sumbangan kepada masyarakat Islam Singapura.

"Beliau menggubal Amla dan juga Perlembagaan Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud."

Menyentuh mengenai satu ceramah yang menerangkan latar belakang Amla yang diberikan oleh Allahyarham di Singapura dua tahun lalu, Haji Maarof, dalam surat itu ju-



**Allahyarham Tan Sri Ahmad Ibrahim:** Meninggal akibat serangan jantung.

ga berkata:

"Sumbangan terkini beliau menerangkan kepada pengamal Undang-Undang Syariah baru-baru ini membantu terhadap kefahaman latar belakang Amla."

Allahyarham, 83 tahun, terlibat dalam penggubalan Amla dalam

1968.

Mantan Peguam Negara Singapura dan Duta Besar Singapura ke Amiriah Arab Bersatu, Allahyarham meninggalkan seorang isteri dan sembilan orang anak.

Antara 1946 dengan 1972 pula, Allahyarham pernah menyandang beberapa tugas perundangan di Singapura, sebagai majistret, hakim daerah Singapura, pensyarah, dan timbalan pendakwa raya sebelum dilantik menjadi Peguam Negara Singapura dan Duta Besar Singapura ke Amiriah Arab Bersatu.

Selain itu, bekas Sheikh Al-Kulliyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa (UIA) itu juga banyak menyumbang kepada pentadbiran undang-undang Islam dan Sivil di Malaysia.

Allahyarham yang dianugerahkan Panglima Setia Mahkota membawa gelaran Tan Sri pada 1987, juga telah menghasilkan lebih 30 judul penerbitan berkenaan perundangan keluarga dan pentadbiran Islam di Malaysia.

Selain itu, berkat sumbangan fikiran dan tenaga ke arah memperkemas sistem pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia, Allahyarham menerima Tokoh Maal Hijrah pada 1988 yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia.

'Allahyarham memberi banyak sumbangan kepada masyarakat Islam Singapura. Allahyarham menggubal Amla dan juga Perlembagaan Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud... Sumbangan terkini beliau menerangkan kepada pengamal Undang-Undang Syariah baru-baru ini membantu terhadap kefahaman latar belakang Amla.

*Presiden Muis, Haji Maarof Salleh*